



STAB6143

BOTANI EKONOMI DAN ETNOBOTANI

**LAPORAN KAJIAN LAPANGAN DI KAMPUNG BUKIT
KEMBOJA, LANGKAWI DAN TAMAN HERBA NEGERI PERAK**

NAMA PENSYARAH : PROF. MADYA. DR. AHMAD BIN ISMAIL

NAMA

MUHAMMAD AMEERUL AMIN BIN BAKAR @ OMAR

NOOR SYAHIRA BINTI YUSOFF

FARAH ADIBAH BT ABD KADIR

FARAH FARHANA BINTI WAHAB

NURUL JANNAH BINTI HAMZAH

KURNIA NAJIHAH BINTI ABDUL MANAP

NO. MATRIK

P85490

P85537

P85488

P85489

P85531

P85538

PENGENALAN

Pada 14 April hingga 17 April 2016, kajian lapangan telah dijalankan di bawah kursus STAB 6143 (Botani Ekonomi dan Etnobotani) yang diselenggarakan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Bin Ismail. Beliau dibantu oleh pegawai sains En. Affendi dan pelajar PhD sebagai koordinator, Cik. Farah Bin Zaini bagi melancarkan lagi urusan program. Kajian lapangan serta lawatan telah diadakan di Kampung Bukit Kemboja, Langkawi dan di Taman Herba Negeri Perak.

Landskap Langkawi yang unik serta mempunyai pelbagai spesies tumbuhan serta hidupan darat dan laut yang berharga menjadikannya tapak penyelidikan dan pendidikan terpenting di Malaysia. Kekayaan kepelbagaian flora di Malaysia berkait rapat dengan kehadiran pelbagai bentuk habitat yang terdapat mulai dari kawasan tanah pamah hingga ke kawasan pergunungan serta keadaan iklim yang sesuai bagi perkembangan tumbuhan sepanjang tahun.

OBJEKTIF LAWATAN

Kajian lapangan ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian tumbuhan-tumbuhan herba yang terdapat di Langkawi serta mempelajari nilai perubatan dan ekonomi pada tumbuhan tersebut. Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan pelbagai khasiat tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Taman Herba Negeri Perak.

Temu bual dan perbincangan bersama masyarakat setempat mengenai tanaman herba tempatan membolehkan para pelajar merungkai kembali nilai-nilai tradisional yang pernah dimanfaatkan dari tanaman tersebut. Kearifan penduduk setempat dari sudut nilai perubatan sesuatu tumbuhan kebiasaannya diwarisi dari nenek moyang dan keberkesanan penggunaannya dalam menyembuhkan sesuatu penyakit. Melalui perkongsian maklumat ini, para pelajar dapat menyampaikan dan mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian. Keberkesanan penyembuhan penyakit daripada sesuatu tumbuhan dapat diketahui dengan melakukan kajian lanjut dari aspek bahan kimia yang terdapat dalam tumbuhan tersebut. Ini bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan sentiasa terjaga. Melalui aktiviti temu bual yang dijalankan, ianya turut mengajar para pelajar untuk sentiasa menghormati dan merendah diri semasa berinteraksi tanpa mengira latar belakang penduduk yang pelbagai. Ini dapat memperbaiki kemahiran insaniah para pelajar dan menjadi nilai tambah dalam diri setiap individu.

KAMPUNG BUKIT KEMBOJA (16 APRIL 2016)

RUMAH 1

Pada jam 9.20 pagi, kami bersama enam orang ahli kumpulan tiba di rumah pertama. Kami berkenalan dengan tuan rumah yang memperkenalkan diri sebagai Cik Muri. Berikut adalah butirannya:

Nama : Muri binti Othman
Umur : 80 tahun
Suami : Meninggal dunia
Anak : Empat orang (1 lelaki, 3 perempuan)

Tempoh menetap: Lebih 40 tahun di Pulau Langkawi

Masyarakat setempat di kampung kemboja ini memanggil cik Muri sebagai bomoh. Namun setelah apa yang kami selidiki, beliau bukanlah seorang bomoh. Tetapi mempunyai sedikit kemahiran dalam perubatan tradisional dalam merawat penyakit demam kuning (jaundis) bagi bayi yang baru lahir dan campak. Mungkin disebabkan kepakaran cik Muri yang sedemikian membuatkan penduduk setempat memanggil beliau bomoh.

Antara ramuan yang digunakan oleh beliau dalam merawat jaundis atau campak ialah dengan menggunakan campuran daun, bedak sejuk dan minyak celak. Sayangnya, nama daun tersebut tidak dapat kami kenalpasti namanya. Bagi cik Muri, beliau memperolehi daun dan petua tersebut daripada salah seorang lelaki berbangsa cina, dan beliau mengambil dan menanam pokok itu di halaman belakang rumahnya. Ramuan bedak sejuk itu juga dihasilkan sendiri oleh beliau daripada beras dalam tempoh 4 hingga 5 bulan. Bedak sejuk yang telah siap, beliau juga menjualnya bagi mereka yang memerlukan, ini sekaligus sebagai sumber pendapat sampingan bagi beliau. Disapu bersama daun tersebut dan bedak sejuk adalah minyak celak. Minyak celak ini juga dihasilkan sendiri oleh beliau. Di dalam minyak celak tersebut, diletakkan beberapa biji lada hitam. Menurut kepercayaan cik Muri, malahan kebanyakan masyarakat Melayu, kegunaan lada hitam ini digunakan untuk menghalau hantu dan makhluk halus.

Selain itu juga, cik Muri juga berkongsi pengetahuan beliau menggunakan tumbuhan dalam merawat penyakit kayap. Namun nasib tidak menyebelahi kami, kerana tumbuhan tersebut telah tiada - mungkin disebabkan oleh keadaan cuaca dan sebagainya. Hanya itu sahaja yang dapat

dikongsi oleh beliau dengan kami tentang penggunaan tumbuhan dalam perubatan untuk rumah pertama ini. Berikut adalah beberapa gambar di lokasi rumah cik Muri (rumah pertama):



Rajah 1.1 Daun yang digunakan untuk merawat demam kuning dan campak



Rajah 1.2 Cik Muri sedang menunjukkan pokok yang digunakan dalam rawatannya



Rajah 1.3 Bedak sejuk dan minyak celak yang dihasilkan sendiri oleh cik Muri. Terdapat lada hitam di dalam minyak tersebut



Rajah 1.4 Penerangan dan penceritaan daripada cik Muri kepada kami semua



Rajah 1.5 Gambar kenangan ahli kumpulan kami bersama Cik muri di kawasan halaman rumahnya

RUMAH 2

Latar Belakang Responden

Nama : Puan Jamaliyah Jamaludin

Umur : 42 tahun

Status : Berkahwin



Rajah 2.1 Gambar kenangan ahli kumpulan kami bersama Puan Jamaliyah

Antara tanaman herba yang ditanam oleh Puan Jamaliyah ialah :

1. Pokok Ketum



Nama saintifik : *Mitragyna speciosa*

Kegunaan : Ketum dikatakan dapat melegakan cirit-birit, melancarkan perjalanan darah dan merawat darah tinggi

Caranya : Makan daun ketum yang telah dibuang urat daun kerana uratnya dipercayai boleh menyebabkan ketagihan kepada si pengguna.

2. Limau Purut



Nama saintifik : *Citrus hystrix*

Kegunaan : Buahnya digunakan untuk menguatkan akar rambut dan menghilangkan kelemumur serta menghilangkan bau badan manusia. Daunnya pula selalunya digunakan di dalam masakan terutama sekali masakan Siam seperti Tom Yam kerana aromanya yang wangi.

Caranya : Buahnya dipotong dan disapu pada kulit kepala untuk menguatkan akar rambut dan menghilangkan kelemumur. Bagi menghilangkan bau badan, Si pengguna perlu menggosokkan buah tersebut di bawah ketiak serta tunggu sebentar dan bilas.

3. Cekur Manis/ Pucuk Manis



Nama saintifik : *Sauropus androgynous*

Kegunaan : Biasanya digunakan oleh ibu-ibu lepas bersalin sama ada untuk mengecutkan rahim ataupun memperbanyakkan penghasilan susu badan ibu.

Caranya : Kebiasaannya daun dimakan sebagai ulam.

4. Daun Kaduk



Nama saintifik : *Piper sarmentosum*

Kegunaan : Dikatakan boleh merawat malaria, selesema dan batuk.

Caranya : Kisar daun dan batang pokok kaduk lalu jusnya ditapis dan diminum.

5. Bunga Kantan/ bunga siantan



Nama saintifik : *Phaeomeria speciosa*

Kegunaan : Digunakan sebagai perasa di dalam makanan serta menambahkan selera makan seseorang.

Caranya : Kudup bunga kantan akan dipotong dan dimasukkan ke dalam masakan serta dimasak seperti Laksa dan kerabu.

6. Daun Belalai Gajah / Sabah Snake Grass



Nama saintifik : *Clinacanthus nutans*

Kegunaan : Digunakan sebagai mencegah kanser.

Caranya : Ambil 30 hingga 50 helai daun belalai gajah dan dikisarkan bersama dengan sebiji epal hijau. Tambah setengah gelas air minuman. Minum dua kali sehari sebelum sarapan dan pada waktu malam.

7. Pokok Jarak



Nama saintifik : *Ricinus communis*

Kegunaan dan cara :

Merawat keputihan pada lidah bayi

Oleskan getah pokok pada lidah bayi dan keputihan akan keluar bersama air liur.

Mengubati radang telinga

Ambil setengah senduk makan getah Jarak Pagar lalu dititiskan sebanyak 6 titis ke dalam telinga anak, sehari boleh dilakukan 6 kali sampai sembuh.

Ubat sakit gigi berlubang

Caranya dengan mengambil getah jarak menggunakan kapas, kemudian ditempelkan pada gigi yang berlubang.

Merawat kembung perut

Ambil beberapa lembar daun jarak pagar yang tua. Kemudian disiangi di atas nyala api biar agak layu dan diolesi minyak kelapa, minyak telon atau kayu putih. Setelah itu ditempelkan pada bahagian bawah perut dan pinggang selama beberapa jam.

8. Pokok Buluh Madu



Nama saintifik : *Gigantochloa albociliata*

Kegunaan : Membantu mengurangkan kolesterol dalam darah dan secara tidak langsung mengurangkan risiko sakit jantung.

Caranya : Bahagian rebung diambil lalu dimasak atau dibuat ulam.

9. Pokok terung pipit



Nama saintifik : *Solanum torvum*

Kegunaan dan cara :

Penawar bisa patukan ular dan sengatan serangga

Seluruh bahagian terung pipit ditumbuk lumat, cecair yang diperah keluar boleh digunakan sebagai penawar bisa.

Melegakan sakit perut

Buahnya dimakan

Merawat kulit kaki yang merekah ataupun bengkak

Bahagian akar ditumbuk lumat dan ditampal pada bahagian yang bermasalah.

Merawat demam panas, pitam dan sawan

Akar pokok direbus dan diminum

10. Pokok Lelipan



Nama saintifik : *Pedilanthus tithymaloides*

Kegunaan dan cara :

Mengubati sakit sendi dan sakit kepala

Batang pokok berbentuk bulat dan bila dipatahkan akan mengeluarkan getah berwarna putih susu. Batangnya ditumbuk dijadikan salap untuk digunakan sebagai ubat sakit sendi dan sakit kepala. Getah ini beracun kalau termakan, hanya sesuai untuk kegunaan luaran sahaja.

Mengurangkan bisa dan bengkak

Getah yang diambil dari daun pokok disapu pada bekas gigitan lipan. Getah yang keluar dari bahagian daun boleh digunakan untuk mengurangkan bengkak kerana patah tulang dan bisul serta menghalang luka berdarah.

TAMAN HERBA NEGERI PERAK (17 April 2016)

Taman Herba, Perak atau lebih dikenali dengan nama Taman Herba Negeri Perak terletak di Gopeng, Perak merupakan sebuah tempat yang menjadi tumpuan pelancong yang ingin mempelajari mengenai khasiat herba tempatan. Taman Herba ini seluas 22.4 hektar memiliki herba untuk pelbagai kegunaan seperti perubatan, aromatherapi, dan kosmetik, termasuk sebagai ulam dan rempah. Taman Herba ini turut dilengkapi dengan kemudahan seperti tapak perkhemahan, dan perpustakaan. Kedudukannya yang terpencil juga sesuai bagi aktiviti seperti melihat burung, memancing, berlari, dan permainan luar. Pada 17 April 2016, lawatan ke Taman Herba Negeri Perak telah dijalankan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai tumbuhan herba. Bekas Pegawai Pusat Taman Herba iaitu Puan Azizah Meor Hashim telah memberikan penerangan mengenai tumbuhan yang terdapat di Taman Herba ini.

Pokok Israel / Ara Songsang



Nama Saintifik : *Asystasia gangetica*

Nama Tempatan : Ara songsang / Rumput Israel / Akar ruas-ruas

Famili : Acanthaceae

Kegunaan : Dijadikan sebagai makanan Arnab dan juga digunakan dalam perubatan tradisional untuk mengubati kencing tidak lawas dengan menggunakan 15 g atau satu genggam daun ara songsang ini direbus dengan 5 cawan air.

Tapak Itek



Nama saintifik : *Kalanchoe laciniata*

Famili : Crassulaceae

Kegunaan : Digunakan dalam amalan perubatan tradisional untuk melegakan sakit kepala dengan merendam daun di dalam air dan jaram di kepala. Seterusnya, digunakan untuk melucutkan bisul dengan menghancurkan daun dan ditampal kepada bahagian bisul. Ia juga digunakan untuk masalah gatal/sakit kulit dengan mengasah akar dan daun yang dihancurkan disapu ke tempat yang gatal. Masalah campak juga dapat diatasi dengan menggunakan daun tumbuhan ini sebagai pelembap.

Keremak merah



Nama Tempatan : Keremak Merah / Bintang Merah/Langit

Nama Saintifik : *Alternanthera sessilis*

Famili : Amaranthaceae

Kegunaan : Rebusan daun tumbuhan ini dikatakan boleh menurunkan paras kolestrol dan melegakan demam.

Nenas kerang



Nama saintifik : *Rhoeo discolor*

Famili : Commelinaceae

Kegunaan : Tumbuhan ini digunakan untuk mencuci dan melancarkan perjalanan darah dan juga untuk menghindarkan paru-paru dari sebarang penyakit akut. Cara penggunaan ialah mengambil bunga atau daun yang segar atau yang telah dikeringkan untuk diminum air rebusannya.

Ketupang air




Nama Tempatan : Ketumpang Air / Sireh Raja / Sireh Cina

Nama Saintifik : *Peperomia pellucida*

Famili : Piperaceae

Kegunaan : Tumbuhan ini dikatakan mampu merawat atau memecahkan batu karang dengan meminum air rebusan dan juga boleh merawat rabun mata.

Deras malam



Nama saintifik : *Ruellia repens*

Famili : Acanthaceae

Kegunaan : Digunakan pada orang yang kuat berpeluh dan juga kanak-kanak yang kegelisahan pada waktu malam dengan cara menggosokkan keseluruhan tumbuhan pada badan. Seterusnya, digunakan untuk merawat bengkak kaki dan sakit gigi dengan menumbuk daun sehingga lumat dan ditampal pada tempat yang sakit.

Ati - ati




Nama Saintifik : *Coleus blumei*

Famili : Lamiaceae

Kegunaan : Digunakan untuk merawat penyakit asthma dengan menumbuk beberapa helai daun dan dicampurkan dengan kapur sireh sebanyak hujung sudu dan seterusnya campuran itu diperah dan diletakkan di bahagian dada.

Daun Lemuju/ Bangun-bangun



Nama Saintifik : *Solenostemon amboinicus*

Famili : Lamiaceae

Kegunaan : Daun tumbuhan ini digunakan untuk mencairkan kahak dan menyihatkan kerongkong dengan dengan memakan daunnya satu helai sehari.

Kecubong




Nama Saintifik : *Datura metel*

Famili : Solanaceae

Kegunaan : Digunakan untuk merawat penyakit angin pasang bagi budak kecil dengan menumbuk daun dan dicampurkan dengan sedikit minyak kelapa di sapukan kepada seluruh badan. Ia juga digunakan untuk merawat resdung dengan membasuh daun itu , ditumbuk dan dicampurkan dengan sedikit bedak sejuk dan disapu pada bahagian hidung.

Sireh India



Nama saintifik : *Piper sp.*

Famili : Pipereceae

Kegunaan : Digunakan untuk mengubati mata dengan menitiskan air daun yang telah dihancurkan ke dalam mata. Menyembuhkan ulser hidung dengan menghancurkan daun dan disapu pada bahagian hidung. Seterusnya untuk melawaskan kencing dengan memakan sireh bersama pisang. Ia juga boleh merawat hidung berdarah dengan menggulungkan daun diketuk, dan disumbat ke dalam lubang hidung.

Pegaga bukit



Nama saintifik : *Centella asiatica*

Famili : Apiaceae

Kegunaan : Digunakan untuk penawar alahan, antikanser, melawaskan pembuangan air kecil, merawat cirit-birit, sakit kerongkong, kencing berdarah, demam panas, ulser serta menurunkan tekanan darah tinggi dan mengubati malaria dengan memakan keseluruhan tumbuhan, dibuat jus atau direbus untuk diminum.

Tunjuk Langit



Nama saintifik : *Swietenia humilis*

Famili : Meliaceae

Kegunaan : Pokok Tunjuk Langit mempunyai akar yang serumpun, berwarna merah dan memiliki rasa lemak. Ia mudah tumbuh di kawasan lembah yang lembab dan agak teduh. Kebiasannya herba ini boleh didapati berhampiran dengan kampung dan kebun kecil getah di bahagian utara Semenanjung. Pokok Tunjuk Langit digunakan sebagai ubat tradisi untuk membuat ubat periuk bagi wanita selepas bersalin. Manakala pucuknya dijadikan sayur dan kadang kala dimakan bersama sirih. Jauh daripada itu rizomnya pula digunakan untuk merawat batuk, penyakit siplis, caranya dimakan bersama sirih dan juga dijadikan tonik. Bagi batangnya yang tua pula boleh digunakan untuk menganyam tikar.

Mahkota Dewa




Nama saintifik : *Phaleria Macrocarpa*

Famili : Thymelaeaceae

Kegunaan : Keseluruhan bahagian dari tumbuhan, biji, buah, daun dan ranting kesemuanya mengandungi ciri-ciri perubatan. Mahkota Dewa boleh digunakan sebagai dadah

tunggal atau sebagai campuran bersama herba-herba lain untuk menguatkan kesannya dan untuk meneutralkan racun. Walaupun Mahkota dewa rasanya agak manis, adalah perlu diingatkan bahawa ia tidak boleh dimakan begitu sahaja atau sebelum pemprosesan dijadikan sebagai ubatan. Ia merupakan tumbuhan beracun yang boleh membawa maut. Bagaimanapun, terdapat beberapa cara tertentu untuk menjadikan ia selamat untuk digunakan sebagai perubatan tradisional. Buah hijau belum matang serta buah masak merah boleh diracik dan dikeringkan dibawah matahari. Ambil satu sudu (tidak lebih) isi yang dah diracik dan dikeringkan lalu campurkan kedalam segelas air panas mendidih untuk dijadikan minuman rendaman

Pokok Batu Karang



Nama saintifik : *Strobilanthes crispus*

Famili : Acanthacea

Kegunaan : Daunnya telah digunakan secara tradisional untuk merawat kanser, kencing manis serta batu karang dan juga sebagai agen diuretik. Mampu untuk merencatkan pertumbuhan retrovirus; agen dalam jangkitan virus seperti sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS) dan mampu untuk merencatkan pertumbuhan sel leukemia. Ekstrak pecah beling bertindak secara efektif untuk merencat pertumbuhan sel kanser kolon, hati dan buah dada secara semulajadi tanpa kesan sampingan. (Kajian UPM). Daunnya yang dijadikan teh menunjukkan tahap antioksidan yang tinggi berkesan menurunkan paras gula dalam darah.

Kaduk




Nama saintifik : *Piper sarmentosum*

Famili : Piperaceae

Kegunaan : Daun kaduk diguna dengan cara meminum jus nya, untuk melegakan gejala malaria dan berkesan untuk merawat demam, batuk, asma, selsema, reumatisme, Keradangan pleura (lapisan paru-paru, apabila pleura parietal terlibat, terasa sakit didada berhubung dgn selaput dada (pleurosy) dan sakit tulang belakang (lumbago). Keseluruhan tumbuhan boleh digunakan untuk merawat demam, membantu penghadaman dan untuk melegakan kesakitan otot. Akar daun kaduk adalah ubat berkesan untuk batuk, asma, Keradangan pleura, lapisan paru-paru dan kulat pada kulit jari kaki (fungoid dermatitis). Ia dikunyah untuk menghentikan kesakitan gigi. Suku Karen di Thailand mengambil daun kaduk sebagai makanan sumber kandungan terbaik tempatan untuk beta karotena dan vitamin C. Daun nya juga digunakan sebagai tonik pencernaan, karminatif, ekspektoran, ejen anti-hyperglycemic dan ejen anti-malaria. Air rebusan dari keseluruhan tumbuhan juga digunakan secara tradisional untuk merawat pesakit kencing manis.

Belimbing tanah



Nama saintifik : *Tacca Cristata*

Famili : Taccaceae

Kegunaan : Seperdu pokok belimbing tanah (akar, daun dan buah) direbus hingga mendidih. Air rebusan ini diminum dua kali sehari untuk menyembuhkan penyakit buasir, darah tinggi dan kencing manis. Air ini juga dipercayai berkesan untuk merawat sakit buah pinggang, lemah Jantung serta dapat menghilangkan dahaga. Buah belimbing tanah yang segar boleh dimakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi. Buah yang hitam didapati lebih berkesan. Tumbuhan ini agak popular dikawasan Pantai Timur, Semenanjung Tanah Melayu. Air rebusan akar tumbuhan ini digunakan secara tradisi untuk merawat penyakit darah tinggi, buasir dan juga sebagai air mandian bagi perawatan wanita selepas bersalin iaitu untuk membuang angin dalam badan. Di samping ini, air rebusan ubi dan akarnya yang dicampur dengan pokok selayar hitam (*Goniothalamus malayanus*) dikatakan berkhasiat bagi menguatkan buah pinggang. Pelepah daunnya pula boleh digunakan untuk merawat gatal-gatal pada kulit akibat terkena ulat bulu.

Lelipan



Nama saintifik : *Pedilanthus Tithymaloides*

Famili : Euphorbiaceae

Kegunaan : Batang pokok berbentuk bulat dan bila dipatahkan akan mengeluarkan getah berwarna putih susu. Batangnya ditumbuk dijadikan salap untuk digunakan sebagai ubat sakit sendi dan sakit kepala. Getah ini beracun kalau termakan, hanya sesuai untuk kegunaan luaran sahaja. Getah yang keluar dari bahagian daun boleh digunakan untuk mengurangkan bengkak kerana patah tulang dan bisul serta menghalang luka berdarah. Dalam perubatan tradisionl getah yang diambil dari daunnya boleh disapukan pada bekas gigitan lipan untuk mengurangkan bisa dan bengkak.

Ara Tanah



Nama saintifik : *Euphorbia hirta*

Famili : Euphorbiaceae

Kegunaan : Walaupun dianggap sebagai tumbuhan perosak tetapi ia juga mempunyai khasiat dalam perubatan herba tradisional. Daun pokok ara songsang yang dilumatkan dan ditampal pada tempat berkenaan boleh digunakan untuk merawat luka dan bengkak. Untuk melawaskan pembuangan air kecil, pokok ini direbus dan diminum air rebusan tersebut. Daun pokok ini yang ditumbuk bersama bawang digunakan untuk merawat masalah kekejangan otot. Akar pokok ara songsang yang dimakan bersama pinang dikatakan berkesan untuk mengatasi batuk. Selain berguna sebagai perubatan herba, pokok ini juga amat digemari oleh haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan arnab.

RUMUSAN

Kesimpulannya, lawatan ke Kampung Bukit Kemboja, Langkawi dan Taman Herba Negeri Perak telah memberi banyak ilmu dan pengalaman yang berharga kepada para pelajar. Setelah menjalankan kajian ini, kami dapat memahami dengan lebih mendalam tentang khasiat tumbuhan-tumbuhan tempatan yang terdapat di Langkawi khasnya dan di negara kita amnya. Ini menjadikan kami lebih peka dan menghargai nilai tumbuhan ini terutama dari aspek perubatan dan ekonominya. Potensi kegunaan tumbuhan amat meluas sekali untuk dijadikan sebagai ubat-ubatan dan kegunaan-kegunaan yang lain. Justeru, penyelidikan saintifik dalam bidang tumbuhan terutamanya tumbuhan herba perlu dipertingkatkan agar tidak lenyap dalam arus perubatan moden. Diharapkan dengan pelaksanaan program ini, para pelajar mendapat manfaat yang maksimum sekali gus mencapai objektif lawatan ini.

LAMPIRAN



